



29 Januari 2021  
29 January 2021  
P.U. (A) 32

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR  
(PENGEQUALIAN) 2021

*MOTOR VEHICLES (EXEMPTION) RULES 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

## KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PENGECUALIAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 66(1)(x) dan 127(1)(b) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengecualian) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Februari 2021 hingga 31 Mac 2021.

**Pengecualian**

2. Menteri mengecualikan orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual daripada pemakaian peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (2) tertakluk kepada syarat bahawa orang yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual hendaklah memohon untuk memperbaharui lesen kenderaan motornya atau lesen memandunya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa tiga puluh hari selepas Kaedah-Kaedah ini terhenti berkuat kuasa.

**Ketidakpakaian**

3. Kaedah 2 tidaklah terpakai berkenaan dengan—

(a) mana-mana pemegang suatu lesen kenderaan motor bagi mana-mana kenderaan barangan, kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan atau kenderaan pekerja; dan

(b) mana-mana pemegang suatu lesen vokasional.

## JADUAL

[Kaedah 2]

(1) <i>Orang yang baginya Pengecualian Terpakai</i>	(2) <i>Peruntukan</i>
Mana-mana orang yang lesen kenderaan motornya telah tamat tempoh	Seksyen 15 Akta  Kaedah 15 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 [ <i>L.N. 173/1959</i> ]
Mana-mana orang yang lesen memandunya telah tamat tempoh	Seksyen 26 Akta  Kaedah 3A Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 [ <i>P.U. (A) 409/1992</i> ]

Dibuat 29 Januari 2021  
[KP/BD/PJ/0.8 Jld. 21(12); PN(PU2)460/CIX]

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
*Menteri Pengangkutan*

ROAD TRANSPORT ACT 1987  
MOTOR VEHICLES (EXEMPTION) RULES 2021

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 66(1)(x) and 127(1)(b) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Motor Vehicles (Exemption) Rules 2021**.

(2) These Rules have effect for the period from 1 February 2021 to 31 March 2021.

**Exemption**

2. The Minister exempts persons specified in column (1) of the Schedule from the application of the provisions specified in column (2) subject to the condition that the persons specified in column (1) of the Schedule shall apply to renew his motor vehicle licence or driving licence, as the case may be, within thirty days upon these Rules ceasing to have effect.

**Non-application**

3. Rule 2 shall not apply in respect of—

(a) any holder of a motor vehicle licence for any goods vehicle, public service vehicle, tourism vehicle or employees vehicle; and

(b) any holder of a vocational licence.

## SCHEDULE

## [Rule 2]

(1) <i>Persons to whom Exemption Applies</i>	(2) <i>Provisions</i>
Any person whose motor vehicle licence has expired	Section 15 of the Act  Rule 15 of the Motor Vehicles (Registration and Licensing) Rules 1959 [L.N. 173/1959]
Any person whose driving licence has expired	Section 26 of the Act  Rule 3A of the Motor Vehicles (Driving Licence) Rules 1992 [P.U. (A) 409/1992]

Made 29 January 2021  
[KP/BD/PJ/0.8 ]ld. 21(12); PN(PU2)460/CIX]

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
*Minister of Transport*